



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **31 Dis 2020 (Khamis)**

#### **Berita Harian**

Usah biarkan Sungai Buloh senasib Sungai Kim Kim 1

#### **Utusan Malaysia**

Selangor bincang isu kenderaan berat lebih muatan 2

Tapak ganti gerai tidak tepati standard 3

22 OGOS 4

Najib, iqmal tumpuan mahkamah 5

Jangan layan pengusaha nurseri seperti penceroboh 6

#### **Harian Metro**

Pentas akhir LCK2 tanpa penonton 7

Abdul Aziz pengerusi baharu Mais 8

Bantuan bekalan air 9

Span ganti semua paip bermasalah 10

#### **Kosmo**

Abdul Aziz pengerusi MAIS 11

MBSA luluskan 808 permit penjaja sementara 12

Kilang makanan cemarkan sungai pada malam minggu 13

Lebih 5 juta penduduk derita ekoran krisis air 14

#### **Sinar Harian**

Noh cabar MB Selangor berdialog 15

#### **Bernamea News Channel**

43 Pemilik Gerai Merayu MBSJ Beri Semula Kebenaran Niaga 16

43 Pemilik Gerai Merayu MBSJ Beri Semula Kebenaran Niaga 17

#### **Selangor TV**

60 Peratus Tanah Perkampungan Orang Asli Berjaya Diwarta – EXCO 18

Dato' Menteri Besar Dan Keluarga Bercuti Ke Kuala Selangor 19

EXCO Gesa Kerajaan Dedah Dalang Kartel Daging Walau Libat Kenamaan 20

Kerajaan Negeri Peruntuk RM805,200, Manfaat 51 Gereja Selangor 21

MB Pusing Selangor Dulu, Kuala Selangor Destinasi Pilihan 22

Selangor Perkasa Bidang Pertanian, Raih Pulangan Lumayan 23

Sultan Selangor Berkenan Sampaikan Watakah Pelantikan Bagi Sesi 2021-2023 24

Sultan Serah Watakah Pelantikan Anggota MAIS & Hakim Mahkamah Tinggi Syariah 25

#### **The Star**

COUNCIL MATTERS 26

LIBRARY NOTICE 27

Undeterred in facing trials 28

Works Ministry pledges to fill small potholes within a day 29

Pandemic causes huge dent in Selayang council's revenue, upsets tourism plans 30

Projects for a better neighbourhood 31

#### **Sin Chew Daily**

Selangor invokes criminal law to prosecute those who pollute the river, and the legal procedures involved are implemented on January 7th 32



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Demolition of stalls which is cutting off the hawker's livelihood, Noh Omar reprimands the Selangor state government for not being sympathetic to the people	33
The home becomes motorcycle repair factory, the noise of motorcycles and exhaust gas disturb the residents	34
<b>Makkal Osai</b>	
25 people infected with Covid-19 at Banting market	35
<b>Malaysia Nanban</b>	
Kuala Selangor is best for holiday!	36
<b>Tamil Malar</b>	
25 people infected with Covid-19 at Banting market	37



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>31 December 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Usah biarkan Sungai Buloh senasib Sungai Kim Kim
Muka Surat	:	11

# Usah biarkan Sungai Buloh senasib Sungai Kim Kim

**Hampir** setiap hari sejak 10 tahun lalu, nelayan dan penangkap kerang di Jeti Nelayan Sungai Buloh terpaksa melalui perairan hitam, berbau dan berminyak untuk mencari sesuap rezeki bagi menyambung kehidupan.

Tanpa jemu, usaha mencari rezeki itu diteruskan, walaupun mengetahui sungai yang menjadi menyambung nyawa mereka sekeluarga itu mungkin tidak panjang hayatnya gara-gara pencemaran yang semakin serius.

Bagi nelayan, Mohd Kassim Ismail, 56, sepanjang usianya dia melalui sungai itu pada setiap hari untuk ke laut dan melihat perubahan demi perubahan yang berlaku terhadap keadaan dan kualiti air sungai itu.

Katanya, sungai ini dahulunya sangat jernih dan jika syiling jatuh pun, akan jelas dilihat di dasar, tetapi hari ini keadaan jauh berbeza hingga tiada siapa mahu menjejaki kaki ke dalam sungai mahupun untuk terjun membersihkan diri.

"Dahulu kami tidak perlu menangkap ikan jauh ke laut kerana berhampiran muara sungai juga ada rezeki. Kadang-kala ikan seperti siakap pun masuk ke sungai itu.

"Namun, kini sangat menyedihkan, ia tinggal sejarah kerana ikan sungai, kerang, ketam atau kepah sudah banyak pupus," katanya.

Sebenarnya Sungai Buloh mempunyai sejarah ekosistem tersendiri kerana sejak beberapa tahun lalu, ia terkenal sebagai pengeluar kerang terbesar bukan sahaja di Selangor, malah di negara ini.

Hari ini, situasi itu tidak lagi berlaku kerana kerang seolah-olah tidak mahu 'hidup' di muara sungai itu apabila pengeluaranannya jatuh mendadak.

Jabatan Perikanan sendiri merangka program intensif untuk menggalakkan pengeluaran hidupan itu, namun, kehadiran kerang yang hidup secara semula jadi dilihat tidak memberangsangkan, dipercayai akibat pengaruh kualiti air di situ.

Sekitar sungai itu juga menjadi kawasan penting burung (IBA) khususnya bagi burung hijrah yang menjadikan sungai itu sebagai lokasi 'Rawat dan Rehat' ketika menyusur ke selatan, namun mengikut Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), situasi itu juga semakin terjejas.

Presiden MNS, Prof Dr Ahmad Ismail, berkata pencemaran yang terjadi di Sungai Buloh boleh mengganggu ekosistem hutan bakau, sekali gus memberi kesan terhadap kesihatan dan kelestarian populasi haiwan yang bergantung hidup kepada ekosistem hutan bakau.

Hakikatnya, isu pencemaran Sungai Buloh ini bukan perkara baharu, malah diketahui oleh agensi penguat kuasa yang ada, termasuk Jabatan Alam Se-

kitar (JAS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

JAS Selangor melakukan pemantauan sekarang-kurangnya lima kali setahun dan merekodkan penemuan yang boleh diambil tindakan segera oleh kerajaan negeri Selangor. Antaranya kewujudan 2,822 industri di lembangan sungai itu dan kandungan oksigen terlarut (DO) yang rendah.

Malah, LUAS sendiri sudah mengeluarkan kajian pada 2012 khusus untuk Sungai Buloh dan mendedahkan, lembangan sungai itu mengalami penurunan kualiti air akibat pembangunan perindustrian dan komersial yang pesat di kawasan persekitarannya.

LUAS dalam Kajian Kebersihan Sungai Buloh pada 2012 itu, menemui punca pencemaran berpotensi bagi aliran hitam adalah dari premis perindustrian besi, kilang kitar semula plastik dan kilang kertas serta loji rawatan kumbahan.

Namun, lapan tahun sudah berlalu dan sudah hampir memasuki 2021, mengapa Sungai Buloh masih tercemar dan sehingga JAS sendiri mendedahkan pada setiap hari, empat tan atau 4,000 kilogram sisa pepejal tidak terlarut atau TSS (Jumlah Pepejal Terampai/Total Suspended Solid) memasuki sungai itu.

Bagi rakyat biasa, penemuan JAS itu bermakna, sekarang-kurangnya hampir lapan hingga 10 tahun, bertan-tan sisa toksik sudah dibuang ke dalam sungai itu setiap hari, sehingga kini.

Mengikut rekod Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Tahun 2019 turut mengatakan, Kajian Kebersihan Sungai Buloh itu diteruskan pada 2019 untuk mengenal pasti punca pencemaran berkaitan.

Namun, persoalan timbul, apa sudah jadi dengan penemuan Kajian Kebersihan Sungai Buloh 2012 yang dilakukan LUAS dan apa tindakan yang diambil kerajaan Selangor yang membuatkan kajian itu masih diteruskan.

Sudah lapan tahun kajian itu wujud dan jika lapan tahun lagi ia masih disambung dan disambung, kemungkinan sungai berkenaan sudah menjadi longkang yang bertugas membawa segala sisa kumbahan, bertoksik, tercemar ke dalam laut. Ia mungkin pusat terbenamnya sampah sarap domestik.

Kerajaan Selangor juga mungkin tidak sedar Sungai Buloh adalah pintu masuk kepada destinasi yang dibanggakannya, iaitu SkyMirror Kuala Selangor. Jika sungai itu tidak diuruskan segera, pastinya ia memberi kesan kepada tapak pelancongan itu.

Lebih penting, kita tidak mahu kejadian pencemaran teruk sungai terus berulang. Cukuplah pengajaran yang berlaku terhadap Sungai Kim Kim yang tentunya kita tidak mahu Sungai Buloh pula mengalami nasib sama.

*Penulis adalah wartawan BH*



**Ilah Hafiz Aziz**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 31 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor bincang isu kenderaan berat lebih muatan
Muka Surat	:	8

### Selangor bincang isu kenderaan berat lebih muatan

**SHAH ALAM:** Kerajaan Negeri Selangor akan mengadakan perbincangan dengan semua agensi termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berkaitan isu kenderaan berat membawa lebih muatan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ir. Izhah Hashim berkata, faktor itu dikesan antara punca utama kerosakan jalan raya yang berlubang dan boleh menyebabkan kemalangan kepada pengguna.

Katanya, masalah jalan berlubang itu bukan perkara baharu dan ribuan aduan mengenainya diterima setiap bulan.

"Kerosakan jalan antaranya berpunca kenderaan berat lebih muatan yang terlalu banyak dan berleluasa.

"Masalah seumpama ini sepatutnya perlu diuruskan JPJ dan polis. Saya akan berbincang dengan JPJ dan agensi-agensinya berkaitan isu kenderaan berat tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini semalam.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan jalan raya yang rosak, bertampal, tidak rata dan bertakung antara situasi yang dihadapi pengguna termasuk kemungkinan besar terlibat kemalangan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dilaporkan mengalami kecederaan selepas basikal ditunggangnya melanggar lubang dalam kejadian di Seri Cheeding, Banting, Ahad lalu.

Mengulas lanjut, Izhah berkata, jalan yang terlalu uzur dan tidak dinaik taraf juga antara punca utama isu itu.





**KERATAN AKHBAR**  
**31 December 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tapak ganti gerai tidak tepati standard
Muka Surat	:	10

## Tapak ganti gerai tidak tepati standard

**KUALA LUMPUR:** Tindakan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merobohkan gerai peniaga disifatkan sebagai tidak berhati perut terutama dalam keadaan rakyat berdepan dengan penularan Covid-19.

Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, apa yang dikesalkan, walaupun MBSJ menyediakan tapak perniagaan sebagai ganti kepada gerai yang diroboh, ia tidak menepati standard dan tidak dilengkapi dengan kemudahan termasuk air.

Sehubungan itu, beliau mencabar Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Aminudin Shari dan Datuk Bandar Subang Jaya, Noraini Roslan bersemuka dengannya bagi membincangkan masalah tersebut dengan lebih terperinci.

“Kalau Amiruddin anak jantan kita jumpa Khamis. Rakyat tengah susah sekarang. Kenapa gerai ini yang bertahun-tahun orang meniaga perlu dirobohkan waktu sekarang? Kita sedang berperang dengan Covid-19 lagi.

“Apakah mata mereka buta



**SEBAHAGIAN** peniaga berdiri di tapak baharu yang didakwa tidak menepati standard semasa lawatan Noh Omar ke kawasan gerai yang dirobohkan MBSJ di Taman Puchong Permai dekat Kuala Lumpur, semalam. - **UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

atau pekak? Sepatutnya belajar dengan Wilayah Persekutuan bantu peniaga. Ini sediakan tapak pun macam tempat letak kereta,” katanya selepas melawat tapak gerai yang diroboh-

kan di Puchong Permai, dekat sini, semalam.

Sebanyak 43 penaja terkesan selepas MBSJ merobohkan gerai makanan yang beroperasi sejak 20 tahun lalu, Isnin lalu.

Dalam pada itu, Noh berkata, tapak perniagaan lama yang pernah terbakar sebelum ini sepatutnya boleh dibangunkan untuk membantu peniaga terba-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**31 December 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	22 OGOS
Muka Surat	:	24

■ **22 OGOS**

BEKAS Timbalan Presiden  
PKR, Datuk Seri Mohamed  
Azmin Ali dan bekas Naib  
Presiden, PKR Zuraida  
Kamarudin umum sertai  
Bersatu selain Datuk Seri

Saifuddin Abdullah (Ahli  
Parlimen Indera Mahkota),  
Datuk Mohd Rashid Hasnon  
(Ahli Parlimen Batu Pahat),  
Datuk Seri Dr. Santhara Kumar  
(Ahli Parlimen Segamat),  
Willie Mongin (Ahli Parlimen  
Puncak Borneo) serta Datuk  
Kamaruddin Jaffar (Ahli  
Parlimen Bandar Tun Razak).





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>31 December 2020</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Najib, iqmal tumpuan mahkamah
Muka Surat	:	29

# Najib, Iqmal tumpuan mahkamah

**1 JANUARI**  
708 notis kesalahan dikeluarkan penguat kuasa Kementerian Kesihatan pada hari pertama penguatkuasaan larangan merokok di premis makanan membatalkan kompaun RM170,200.

**2 JANUARI**  
PERBICARAAN hari pertama kes rasuah membabitkan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin dan isterinya, Datin Seri Zizie Izzette di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

**5 FEBRUARI**  
PERBICARAAN hari pertama isteri bekas Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang didakwa meminta rasuah RM187.5 juta dan menerima rasuah RM1.5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn. Bhd., Saidi Abang Samsudin berhubung Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan dan Operasi Genset/Diesel bagi sekolah di Sarawak.

**6 MAC**  
HAKIM Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Idrus Harun dilantik Peguam Negara yang baharu menggantikan Tan Sri Tommy Thomas yang meletak jawatan ekoran perubahan politik.

**25 MAC**  
TUKANG rumah, Mohd. Naim Md. Isa yang mengadakan kenduri kepala kabing didakwa di Mahkamah Sesyen Alor Setar atas tuduhan memuat naik video menerusi aplikasi WhatsApp dan mengeluarkan kata jelic memperikai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**29 APRIL**  
AHLI Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Johor Bahru atas tuduhan membuat kenyataan yang mengakibatkan kegenteran awam kononnya orang ramai serbu Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin Sultan Iskandar (CIQ) Johor Bahru.

**14 MEI**  
ANAK tiri Datuk Seri Najib Razak, Riza Shahriz Abdul Aziz dilepas tanpa dibebaskan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur daripada tuduhan perubahan wang haram AS\$248 juta (RM1.25 bilion) berkaitan penyelewengan dana iMalaysia Development Berhad (IMDB).

**11 & 18 JUN**  
MENTERI Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Peter Anthony mengaku

**P**ANDEMIK Covid-19 mengubah pelbagai aspek kehidupan termasuk perjalanan kerjaya dan pekerjaan di negara ini. Badan kehakiman tidak terkecuali daripada menerima kesan daripada pandemik tersebut.

Demi menjaga penjarakan fizikal, urusan mahkamah lebih banyak dilakukan secara dalam talian malah perbicaraan seperti inkues



**NAJIB RAZAK**

kematian Nora Anne Quorin dan pendakwaan tertuduh juga dijalankan secara 'video-conferencing'.

Kes-kes membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak juga mendapat perhatian utama

sehingga menimbulkan kekusutan kemungkinan wujudnya 'Kluster Najib' atau 'Kluster Mahkamah' sewaktu keputusan kes penyelewengan dana syarikat



**TENGGU ADNAN**

SRC International Sdn. Bhd. Turut 'menempa nama' dalam kalendar prosiding mahkamah ialah pendakwaan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) selain kes rasuah Tengku Adnan Tengku Mansor dan pendakwah.



**SYED SHAH IQMAL**

tidak bersalah lima tuduhan pengubahan wang haram RM8.75 juta dan berhubung dengan Michael Percius Ubu yang merupakan ejen RISDA melakukan pecah amanah membabitkan pembelian tanah bernilai RM15,545,400.

**16 JULAI**  
MAHKAMAH Tinggi Kuala Lumpur benarkan permohonan kerajaan sekat sementara PetroSaudi International Ltd. (PSI) dan Pengarahnya, Tarek Obaid daripada memindahkan dana AS\$340 juta (RM1.45 bilion) yang dikaitkan dengan 1MDB.

**28 JULAI**  
DATUK Seri Najib Razak dihukum penjara 12 tahun, denda RM210 juta selepas didapati bersalah atas tuduhan membabitkan penyelewengan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. berjumlah RM42 juta.

**8, 10 & 11 OGOS**  
BEKAS Menteri Kewangan, Lim Guan Eng didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tuduhan meminta suapan bagi membantu sebuah syarikat dilantik melaksanakan Projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang. Dua hari kemudian, Guan Eng didakwa atas dua tuduhan menyebabkan dua lot tanah milik kerajaan negeri Pulau Pinang bernilai RM208.8 juta



**16 NOVEMBER**  
PELAJAR perempuan, Siti Nur Athirah Azmi dihadapkan ke Mahkamah Majistret Marang atas tuduhan membunuh kanaknya, Siti Nur Surya Ismail. Media melaporkan mangsa dibunuh kejam dengan beberapa kesan tikaman dipercayai senjata tajam di beberapa bahagian badan termasuk putus pergelangan tangan kiri akibat dikelar beberapa kali.

diluluskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri itu. Isterinya, Betty Chew Gek turut didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth atas tiga pertuduhan melibatkan diri dalam pengubahan wang haram.

**13 OGOS**  
PEMILIK Restoran Nasi Kandar Salleh, Nezar Mohamed Sabur Batcha dijatuhi hukuman penjara 20 bulan dan denda

RM12,000 oleh Mahkamah Majistret Alor Setar selepas mengaku bersalah atas empat pertuduhan tidak mematuhi perintah kuarantin di rumah sehingga mencetuskan Kluster Sivagangga.

**17 OGOS**  
REMAJA berusia 19 tahun didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas tuduhan membunuh 23 individu dalam satu kejadian kebakaran di

Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah.

**23 OGOS**  
INKUES bagi mengetahui punca kematian remaja Ireland-Perancis Nora Anne Quorin bermula di Mahkamah Koroner Seremban.

**15 SEPTEMBER**  
EMPAT lembaga pengarah, seorang pengurus klang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Selayang atas tuduhan melepas dan melupuskan bahan buangan mengandungi bahan berbahaya ke Sungai Gong, Rawang sehingga mengakibatkan gangguan bekalan air menjejaskan lima juta pengguna di sekitar Lembah Klang.

**3 NOVEMBER**  
MOHD. Amin Yasin, bekas suami jutawan kosmetik, Datuk Seri Dr. Hasmiza Othman atau Datuk Seri Vida fail tuntutan hadamah di Mahkamah Syariah Kota Bharu atas dakwaan tidak dibenarkan berjumpa dengan anaknya Nur Edlynn Zamileen dan Muhammad Eric Zecquan.

**7 DISEMBER**  
BEKAS Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dipenjarakan tanpa dibebaskan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas tuduhan menerima rasuah RM1 juta daripada ahli perniagaan, Datuk Tan Eng Boon sebagai dorongan membantu permohonan Nucleus Properties Sdn. Bhd. menambak nisbah keluasan tanah syarikat itu berhubung projek di Lot 228, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

**11 DISEMBER**  
PENDAKWAH selebriti, Syed Shah Iqmal Syed Mohd. Shaiful mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya atas tuduhan melakukan persekutuban luar tabii terhadap seorang penuntut kolej swasta berusia 22 tahun. Tertuduh turut didakwa atas dua pertuduhan di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas tuduhan mencabul dan merogol seorang pengangsur wanita.

**21 DISEMBER**  
MAHKAMAH Tinggi Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM2 juta terhadap Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor selepas didapati bersalah atas tuduhan menerima rasuah RM2 juta daripada seorang ahli perniagaan, Tan Sri Chai Kin Kong, empat tahun lalu.

## LIAB KABUL

**ELLY MAZEIN**  
Pelakon dan pengacara popular, Elly Mazlein menamatkan zaman jandanya pada 18 Januari dengan seorang guru, Mohamad Azlan Che Noh, 30. Elly atau nama sebenarnya Sharifah Aida Mazlina Syed Hanafi menerima gelang tangan emas sebagai mas kahwin.

**ZAHIRAH MCWILSON DAN AAIMAN HAKIM REDZA**  
Pasangan selebriti popular, Zahirah McWilson dan Aiman Hakim Redza memilih 20 Februari untuk memuktamadkan lafaz ijab kabul.

**EMMA MAEMBONG**  
Perkenalan di majlis ulang tahun pelakon, Uqasha Senrose akhirnya membawa ke jenjang pelamin. Itu yang berlaku kepada pasangan, Emma Maembong dan jejaka pilihan, Muhammad Shazli Azhar yang melangsungkan pernikahan pada 20 Februari.

**TASHA SHILLA**  
Pelakon, Tasha Shilla menantu Februari dengan perkhawinan gembira apabila mendirikan rumah tangga dengan Muhammad Atiq. Mula berkenalan sejak hujung 2018.

**MIRA FILZAH**  
Mira Filzah menamatkan zaman bujang dengan jejaka pilihan hati, Wan Amir Astar Wan Mohd Khairi Anuar, Mira Filzah memilih 3 September untuk melangsungkan hari bahagiannya itu. Disifatkan sebagai *wedding of the year*, perkahwinan mereka paling dinanti-nantikan ramai.

## KELAHIRAN

**AMYRA ROSLI, AMAR BAHARIN**  
Pasangan selebriti, Amyra Rosly dan Amar Baharin meninang cahaya mata kedua, Ayra Aryssa pada 1 Februari. Merpati dua sejoli itu berkahwin pada 2016 dan dikurniakan seorang anak lelaki Aqeeq Anaqi yang kini berusia 2 tahun.

**BELLA ASTILLAH**  
Pelakon dan penyanyi Bella Astillah selamat melahirkan bayi perempuan yang juga anak keduanya bersama suami, Aliff Aziz pada 18 Julai. Melahirkan anak keduanya tanpa suami di sisi, Bella memilih nama Ara Aderanna untuk puterinya.

**SHUKRI YAHAYA**  
Maleeq Mikayl menjadi nama pilihan bud aktor Shukri Yahaya untuk anak keduanya yang lahir pada 20 Julai.

**FASHA SANDA**  
Pelakon Fasha Sandha selamat



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>31 December 2020</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Jangan layan pengusaha nurseri seperti penceroboh
Muka Surat	:	35

#### ADUAN PBT



**ANTARA** tapak semeian di Jalan Sungai Buloh-Shah Alam, Selangor yang dirobohkan pihak berkuasa. - GAMBAR MEDIA SOSIAL

## Jangan layan pengusaha nurseri seperti 'penceroboh'

#### SAUDARA PENGARANG,

**SUNGAI** Buloh Green Lane amat terkenal di seluruh negara sebagai kawasan perniagaan tapak semeian dan landskap sejak beberapa dekad lalu.

Pengusaha di situ juga menerima kunjungan daripada pelancong luar negara kerana lokasi berkenaan di sepanjang laluan Jalan Sungai Buloh-Shah Alam, Selangor terkenal sebagai pusat pelancongan dengan pelbagai pokok bunga dan produk landskap.

Oleh itu, timbul persoalan, adakah kerajaan Selangor dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mahu memadamkan sejarah di tempat ini yang terkenal sebagai hab nurseri apabila mengarahkan mereka keluar dari lokasi sekarang dan dilayan seperti 'penceroboh'?

Alasan yang diberikan, tapak berkenaan terlibat dengan projek pembinaan Lebuhraya Damansara-Shah Alam (Dash), pembesaran Jalan Sungai Buloh-Shah Alam dan kerja penyelenggaraan paip air bawah tanah. Bukankah mengekalkan perusahaannya mereka ini akan menyumbang kepada aktiviti pelancongan dan ekonomi Selangor?

Sekiranya tiada pilihan, pengusaha terabit bersedia berpindah dengan syarat kerajaan Selangor menunaikan janji memindahkan mereka ke tanah milik Lembaga Getah Malaysia yang akan diperuntukkan sebagai hab nurseri Selangor.

Mereka bersedia membayar sewa yang munasabah kepada mana-mana agensi kerajaan negeri yang akan menguruskan hab nurseri berkenaan.

Para pengusaha tapak semeian menolak pemindahan ke mana-mana lokasi tidak praktikal yang hanya akan membunuh perniagaan sedia ada seperti diarahkan berpindah ke Bukit Chera, Puncak Alam dan sebahagian lagi ke Kawasan Industri Hicom, Seksyen 28, Shah Alam.

**A. SIVARAJAN**  
Selangor





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **31 December 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pentas akhir LCK2 tanpa penonton
Muka Surat	:	19

**Petaling Jaya:** Pentas akhir program Lagu Cinta Kita 2 (LCK2) pada 3 Januari ini akan berlangsung tanpa penonton bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berikutan penularan Covid-19.

Penerbit Eksekutifnya, Sufian Isa berkata, saiz studio yang sempit mengehadkan jumlah individu yang boleh berada di lokasi berkenaan dalam satu-satu masa.

“Program ini berlangsung di Studio 1 di Glenmarie, Shah Alam dan saiz studio itu agak sempit. Jadi, sebagai mematuhi SOP yang ditetapkan MKN dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), ia akan

# ***Pentas akhir LCK2 tanpa penonton***

berlangsung tanpa penonton.

“Keputusan ini juga dibuat sebagai menyambut baik keputusan kerajaan yang melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor sehingga 14 Januari depan,” katanya kepada Harian Metro.

Bercerita mengenai konsep persembahan pada malam itu, Sufian berkata, setiap pasangan yang layak ke pusingan akhir akan mempertaruhkan dua persembahan.

Lima pasangan yang layak ke pusingan akhir

ialah Khareez dan Nadeera; Syafiq dan Serra; Kael dan Evie; Iss dan Mya dan Adly dan Darling.

Selain pasangan peserta, penonton juga akan dihiburkan dengan persembahan daripada pengacara, Elly Mazlein dan Azwan Ali; juri tetap, Mas Idayu, Ajai dan Hael Husaini serta artis jemputan iaitu Zizi Kirana dan Dayang Nurfaizah.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **31 December 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Abdul Aziz pengerusi baharu Mais
Muka Surat	:	21

# **Abdul Aziz pengerusi baharu Mais**

**Shah Alam:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melantik Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) yang baharu berkuat kuasa esok.

Pelantikan bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu bagi menggantikan Datuk Mohamed Khusrin Munawi yang akan menamatkan perkhidmatannya.

Menurut Setiausaha Mais, Dr Ahmad Shahrir Mahktar, Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan watakah pelantikan kepada Abdul Aziz mengikut Subseksyen 11 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Baginda menyempurnakan pelantikan dalam Istiadat Pengurniaan Watakah Pelantikan anggota Mais bagi Sesi 2021-2023 dan ahli Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (Mais), Berdaftar Sesi 2021-2023 serta Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di Istana Bukit Kayangan di sini, semalam.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 31 December 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bantuan bekalan air
Muka Surat	:	22

### Bantuan bekalan air



**KAKITANGAN** Air Selangor mengisi tangki air sebelum diagihkan kepada kawasan yang mengalami masalah gangguan air ketika tinjauan sekitar Petaling Jaya, semalam. Satu insiden paip putus berlaku petang kelmarin disebabkan kejadian tanah runtuh di Damansara Utama. Air Selangor menyediakan bantuan bekalan air dengan mengerakkan lori tangki ke kawasan yang terjejas dengan keutamaan kepada kawasan perumahan.





**KERATAN AKHBAR**  
**31 December 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Span ganti semua paip bermasalah
Muka Surat	:	24

## Span ganti semua paip bermasalah

**Shah Alam:** Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) akan memastikan paip bermasalah digantikan secara berjadual bagi memastikan insiden paip pecah tidak berterusan sehingga menyebabkan berlaku gangguan bekalan air.

Dalam satu kenyataan semalam, Span memaklumkan pihaknya sentiasa memantau rapi perancangan setiap operator bekalan air termasuk meluluskan projek penggantian paip di setiap negeri termasuk Selangor.

Katanya, program penggantian paip adalah salah satu aspek yang diberi perhatian oleh Span dalam perancangan Pelan Perniagaan Operator bekalan air.

"Pada November lalu, Span meluluskan pelan perniagaan yang dikemukakan Air Selangor yang turut menyenaraikan aktiviti bagi program penggantian paip berjumlah lebih RM500 juta yang akan dilaksanakan oleh Air Selangor dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

"Program penggantian

paip yang dirancang itu akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun bermula tahun ini hingga 2022 memabitkan penggantian 150 kilometer (km) panjang paip agihan setahun dan 4,260 paip penghubung.

"Jumlah panjang paip jenis Asbestos Cement (AC) yang masih digunakan dalam sistem agihan di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sekitar 6,205 km atau 21.4% daripada panjang keseluruhan rangkaian paip agihan iaitu 29,044 km," katanya.

Menurut kenyataan itu, program penggantian bagi paip yang sudah mencapai usia perkhidmatan maksimum dirancang secara berjadual oleh setiap operator bekalan air.

Katanya, ini kerana paip berkenaan berisiko tinggi untuk bocor atau pecah sehingga menyebabkan berlaku gangguan bekalan air selain turut menyumbang kepada kadar Air Tidak Terhasil (NRW) yang tinggi.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 31 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Abdul Aziz pengerusi MAIS
Muka Surat	:	13



**SULTAN SHARAFUDDIN** (kanan) berkenan mengurniakan watikah pelantikan sebagai Pengerusi MAIS kepada Abdul Aziz di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam semalam.

## Abdul Aziz dilantik Pengerusi MAIS

**SHAH ALAM** – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan watikah pelantikan kepada Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang baharu berkuat kuasa 1 Januari depan.

Pelantikan Abdul Aziz selaku bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dilakukan mengikut Subseksyen 11 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Beliau akan menggantikan Datuk Mohammed Khusrin Munawi.

Pengurniaan watikah pelantikan itu bagi sesi 2021 hingga 2023 serta Ahli Pemegang Amanah

Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor itu dijalankan di Istana Bukit Kayangan di sini semalam.

Turut berangkat ke istiadat berkenaan adalah Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah selain turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Setiausaha MAIS, Dr. Ahmad Shahir Makhtar berkata, seramai 20 orang lagi anggota MAIS menerima watikah pelantikan termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti Selangor, Ketua Polis Selangor dan Pengarah Jabatan

Agama Islam Selangor (JAIS) serta 10 lagi anggota daripada lantikan sebelum ini.

"Selain itu, 11 orang Ahli Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) turut menerima watikah pelantikan diketuai Pengerusi Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Tan Sri Syed Anwar Jamalullail," jelasnya.

Pada istiadat itu, Sultan Sharafuddin turut berkenaan melantik Mohamad Khalid Share@Shahi selaku Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor yang berkuat kuasa 16 Disember lalu mengikut subseksyen 58 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 31 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MBSA luluskan 808 permit penjaja sementara
Muka Surat	:	15

# MBSA luluskan 808 permit penjaja sementara

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

**SHAH ALAM** – Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah meluluskan 808 permit penjaja sementara sehingga November lalu dalam membantu penduduknya yang terkesan sepanjang fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, permit berniaga

itu sebagai sebahagian usaha menggalakkan penjaja berniaga dengan selesa di lokaliti yang telah dikhususkan pihaknya.

Katanya, pihaknya juga telah mengeluarkan tambahan 62 permit sama bagi kawasan zon

Zon Selatan pentadbiran baru-baru ini selepas permohonan permit dilaksanakan selama dua hari bermula 19 hingga 20 Disember lalu.

“Zon Selatan ini meliputi ta-

pak di Seksyen 26, 27, 28, 31, dan 35 yang diharap dapat memberikan lebih keselesaan kepada penjaja untuk berniaga bagi menjana pendapatan mereka.

“Inisiatif permit itu secara langsung dapat memastikan para penjaja menjalankan aktiviti perniagaan dengan kebenaran dan mematuhi peraturan telah ditetapkan oleh MBSA,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.



**PARA** penjaja memohon permit menjaja sementara di kawasan Zon Selatan, di Dewan Liparis Seksyen 31, Shah Alam baru-baru ini.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 31 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang makanan cemarkan sungai pada malam minggu
Muka Surat	:	16



**ANGGOTA JAS mengambil sampel sisa pemprosesan yang dibuang dari kilang makanan yang boleh menyebabkan pencemaran Sungai Damansara baru-baru ini.**

# Kilang makanan cemarkan sungai pada malam minggu

Oleh **MOHD. YUNUS YAKKUB**

**SHAH ALAM** – Tindakan sebuah kilang makanan mengambil kesempatan melepaskan sisa pemprosesan terus ke longkang awam pada hujung minggu terbongkar selepas dikesan pihak berkuasa di sekitar daerah ini baru-baru ini.

Perbuatan itu dikesan pukul 12 tengah malam, Ahad lalu hasil pemeriksaan mengejut Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor.

Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, siasatan mendapati kilang tersebut melepaskan *efluen* mentah iaitu tanpa rawatan secara pintasan ke longkang awam.

Katanya, perkara tersebut boleh menyebabkan sisa pemprosesan mengalir sehingga Sungai Damansara seterusnya mencemarkan sungai berkenaan.

“Kilang tersebut didapati menggunakan cuti hujung minggu dan waktu malam bagi melakukan aktiviti tidak bertanggungjawab tersebut.

“Sebanyak tiga sampel *efluen* telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk dianalisis,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau memberitahu, kilang berkenaan telah dikenakan notis Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a)

Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Ujar Nor Aziah, notis itu mengarahkan operasi pengeluaran kilang yang menyebabkan pencemaran diberhentikan serta-merta sehingga tindakan pembaikan diambil oleh pihak kilang.

“JAS Selangor akan terus melakukan pemeriksaan secara mengejut terutama waktu malam berikutan tempoh itu sering digunakan kilang-kilang bagi melakukan pencemaran.

“Siasatan lanjut masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009,” jelasnya.



## **KERATAN AKHBAR**

### **31 December 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Lebih 5 juta penduduk derita ekoran krisis air
Muka Surat	:	21



**PENDUDUK terpaksa menadah air susulan gangguan bekalan yang dihadapi.**

## **Lebih 5 juta penduduk derita ekoran krisis air**

KEHIDUPAN lebih 5 juta penduduk di Selangor terutamanya sekitar Lembah Klang terjejas selepas terpaksa berdepan lebih 10 siri gangguan air sepanjang tahun.

Krisis tersebut menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) di negeri berkenaan terpaksa ditutup selepas beberapa pencemaran dikesan dilakukan pihak tidak bertanggungjawab termasuk di Sungai Gong, Rawang dan Sungai Selangor.

Malah, siri gangguan bekalan air itu turut menjadi usikan netizen yang mencadangkan Air Selangor mengeluarkan jadual bagi memudahkan rakyat menyimpan stok.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>31 December 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Noh cabar MB Selangor berdialog
Muka Surat	:	26

## Noh cabar MB Selangor berdialog

Cari kaedah bantu peniaga-peniaga

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**

**PUCHONG**

**P**engerusi UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar mencabar Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari untuk berdialog berhubung tindakan perobohan gerai oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) di Jalan Taqwa, Persiaran Puchong Permai pada Isnin lalu.

Noh berkata, cabaran dialog itu dibuat berikutan beliau dan peniaga gerai berkenaan akan turun ke MBSJ pada Khamis ini untuk berbincang dengan datuk bandar berhubung status perobohan gerai itu.

Menurutnya, pihaknya ingin

memberikan pandangan kepada pihak terlibat berhubung tindakan perobohan berkenaan memandangkan beliau mempunyai sedikit pengalaman sewaktu menjadi menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ini. "Saya difahamkan Khamis ini mereka (peniaga) ada pertemuan dengan datuk bandar dan saya cabar menteri besar untuk turun sekali dan kita jumpa Khamis ini di sana untuk berdialog.

### ROBOH GERAI

"Kita nak ajar macam mana nak memrintah. Saya juga ada pengalaman sewaktu jadi menteri KPKT dan jangan buat sesuka hati," katanya ketika turun padang bagi melawat gerai peniaga-peniaga terlibat pada Rabu.

Isnin lalu, *Sinar Harian* melaporkan mengenai tindakan MBSJ merobohkan gerai di lokasi berkenaan yang didakwa menjadi punca kepada isu kesesakan di sini.



Noh meninjau struktur gerai yang dirobohkan dalam operasi itu.

MBSJ menerusi maklum balas berhubung operasi itu memaklumkan tindakan berkenaan diambil selepas terdapat pelanggaran syarat permit sementara dilakukan oleh penjaja terlibat di mana gerai itu didirikan di atas rizab jalan dan berstruktur tetap.

Mengulas lanjut, Noh berkata, pihaknya memahami langkah dilaksanakan oleh MBSJ sebagai pihak berkuasa tempat-

an (PBT) di negeri ini, namun pelaksanaan perobohan itu pada masa kini adalah sangat tidak bersesuaian.

"Sekarang peniaga pun masih bergelut untuk tambah pendapatan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan masa ini amat tidak sesuai untuk dilakukan operasi perobohan itu.

"Saya minta supaya menteri besar dan datuk bandar belajar

dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa tentang kaedah mereka boleh guna untuk bantu peniaga-peniaga ini," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga di sini, Azadila Alias, 38, berharap agar isu dapat diselesaikan dengan sebaiknya menerusi pertemuan dengan MBSJ nanti.

"Diharap isu ini dapat diselesaikan sebaiknya kerana dalam beberapa pertemuan dengan MBSJ sebelum ini masih tiada sebarang penyelesaian konkrit," katanya.

Sementara bagi peniaga aksesori wanita, Khadijah Che Lah, 62, pula berharap agar MBSJ dapat memberi pertimbangan ke atas nasib peniaga di sini yang ada di antaranya merupakan warga emas, golongan kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal.

"MBSJ sahaja dapat bantu kami dan saya harap agar pihak terlibat dapat membantu membela nasib kami," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**30 December 2020**

Akhbar	:	Bernama News Channel
Tajuk Berita	:	43 Pemilik Gerai Merayu MBSJ Beri Semula Kebenaran Niaga
Muka Surat	:	-



